

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SAP400 - Seminar Teori Sosial

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Bahagian A dan salah SATU (1) soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (50 markah)

SOALAN WAJIB

1. Berdasarkan salah satu kajian empirikal yang anda telah baca, huraikan teori di sebaliknya serta tunjukkan bagaimana teori itu telah menentukan permasalahan, arah kajian serta cara analisis dan kesimpulan-kesimpulan utama. Adakah teori itu boleh disifatkan sebagai teori struktur atau teori tindakan?

BAHAGIAN B (50 markah)

SOALAN-SOALAN PILIHAN

2. Ramai ahli teori menganggap bahawa isu pokok dalam semua teori sosial ialah ketegangan di antara struktur dan tindakan. Apakah sebab-sebab di sebalik pendapat ini? Jawapan anda mesti berdasarkan salah satu teori sosial dengan huraian bagaimana teori itu menonjolkan ketegangan ini.
3. Bezakan antara strukturalisme Perancis dan strukturalisme lama, khususnya berhubung dengan konsep struktur yang dipelopori oleh dua teori itu dan pendekatan masing-masing terhadap tindakan. Adakah anda fikir bahawa tindakan dapat dijelaskan oleh kedua-dua teori ini?

- oo oOo oo -